

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN KE PUSAT YAYASAN USAHA MAJU

1. Pengarah Urusan YUM telah melakukan lawatan kerja ke Pusat Cemerlang pada 10 September 2013 hingga 11 Disember 2013 bertujuan meninjau secara dekat keadaan sebenar di lapangan dan mendapatkan maklumbalas Ahli Pusat sejajar dengan konsep turun padang dan merakyatkan perkhidmatan Yayasan Usaha Maju (YUM). Seramai sepuluh buah Pusat telah dilawati iaitu Ansip Keningau, Pekan 3 Tambunan, Tondulu Tambunan, Muanad 3 Beluran, Rancangan Khas 2 Beaufort, Batu Puteh Kinabatangan, Minurod Kota Marudu, Lakos Pitas, Kapa Tamparuli/ Tuaran, dan Izzati Bistari Tungku, Lahad Datu. Pusat-pusat ini ditubuhkan pada seawal tahun 1990 hingga tahun 2010.
2. Sepanjang lawatan tersebut, beliau dengan kerjasama cawangan telah menyenaraikan ciri-ciri Faktor Kejayaan, Aktiviti Pusat dan Perancangan Pusat Cemerlang untuk makluman dan rujukan khususnya Pusat-Pusat lain dan YUM amnya seperti berikut:-

Faktor Kejayaan Pusat

1. Kerjasama Pusat untuk menurunkan tunggakan dan meningkatkan disiplin diri.
2. Ahli Pusat bersatu hati dan kerjasama Ketua Pusat (KP) dan Kakitangan YUM baik.
3. Pesefahaman di antara Ahli Pusat serta hubungan Ahli Pusat dengan Penyelia Pinjaman (PP) baik.
4. Sikap toleransi Ahli Pusat.
5. Saling membantu dan mempercayai antara satu dengan lain.
6. Sifat amanah dan jujur.
7. Sikap komitmen, bertanggungjawab dan bersungguh-sungguh.
8. Kerjasama dan membantu Ahli Keluarga, Suami, Anak-anak, dan Ahli keluarga yang lain.
9. Tidak mudah putus asa.
10. Projek dan Perniagaan yang sentiasa beroperasi.
11. Tidak patah semangat khususnya ketika pusat sedang dilanda masalah.
12. Ahli setia dengan YUM walaupun lama menunggu YUM beroperasi semula.
13. Ketegasan KP tentang Peraturan dan Disiplin Pusat seperti mengenakan denda kepada Ahli yang tidak hadir MP tanpa alasan.
14. Kepimpinan Ketua Pusat (KP) yang berkesan/ baik.
15. Kepercayaan Ahli kepada kepimpinan KP.
16. Agenda Mesyuarat Pusat (MP) diaplikasikan sepenuhnya.
17. Melaksanakan Ikrar Ahli.
18. Tempat MP yang baik dan bersesuaian.
19. Menerima latihan, kursus dan bimbingan dari pihak YUM.
20. Suami memahami maksud Ahli menyertai YUM.
21. Mendapat sokongan kuat daripada suami.
22. Sikap berhati-hati memilih Ahli, kerjasama yang baik dan mematuhi Peraturan dan Disiplin Pusat.
23. Mementingkan kehadiran MP baik, Rekod BA cemerlang, Kegiatan berpotensi dan PPM baik.
24. Kelulusan pinjaman di peringkat Pusat dibuat dengan betul.

25. Lawatan kegiatan Ahli Pusat secara beramai-ramai.
26. Mewujudkan Program-program sokongan seperti Tabung Pusat.
27. Tidak bergantung kepada sumber kewangan daripada YUM untuk menganjurkan Aktiviti Luar Pusat dan lawatan Pusat.
28. Mendapat pengiktirafan kerjasama dengan semua agensi dan Jabatan Kerajaan.

Aktiviti Pusat

1. Mengetuai, Urusetia, Penggerak dan Pelaksana Majlis Sambutan Kerajaan di Kampung. Contoh: Hari Susu Ibu Daerah Kecil Tungku, Lahad Datu
2. Mengadakan aktiviti menyumbang dana dan mengumpul dana untuk sebarang sambutan rasmi di kampung Ahli Pusat
3. Majlis Makan Amal
4. Menganjurkan Pertandingan Sukan Bola Tampar, Sukaneka dan sebagainya.
5. Mengadakan Hari Keluarga Ahli Pusat di Pusat sendiri.
6. Melawat kegiatan ahli beramai-ramai.
7. Jamuan menyambut tahun baru bersama kakitangan/ Penyelia Pinjaman
8. Membuat Lawatan, Pemberian derma, Piknik, Perayaan Pesta Menuai, Majlis Makan Sempena Hari Raya dan Tahun Baru
9. Menganjurkan mini bazar
10. Menerima permintaan catering

Perancangan Pusat

1. Menggalakkan Ahli Pusat menjalankan perniagaan di Tamu. Contoh: Tamu KPD, Tg. Lipat Likas, KK.
2. Mendidik anak-anak menjadi insan yang berguna kepada Bangsa dan Negara.
3. Mengadakan Rumah MP dan membina Rumah Pusat sendiri.
4. Menjalankan kegiatan yang melibatkan semua Ahli Pusat.
5. Menambah bilangan Ahli Pusat.
6. Terus bersama YUM.
7. Modal YUM dapat diteruskan di Pusat dan ditingkatkan lagi.
8. Membuat projek berkumpulan disertai semua peminjam secara ala koperasi.
9. Ketua Pusat bercadang memberi anugerah Ahli yang baik.
10. Aktiviti jual-jualan di perkarangan balai raya selepas Mesyuarat Pusat.
11. Melahirkan lebih ramai Usahawan YUM.
12. Sokongan, bimbingan, pemantauan, keseriusan Pihak Atasan membantu meningkatkan sosio-ekonomi keluarga.
13. Mengadakan lawatan ke Pusat dan Cawangan lain.

3. Pusat Tunggak Pembangunan YUM

Menurut Pengarah Urusan, Pusat-Pusat yang cemerlang mencerminkan kesungguhan dan komitmen Ahli untuk berjaya, sekaligus membuktikan konsep Pusat masih relevan di YUM. Pusat yang cemerlang biasanya memiliki ciri-ciri amalan nilai-nilai positif dan tanggungjawab bersama, aktif melaksanakan aktiviti-aktiviti Pusat, mempunyai rancangan memajukan Pusat, Kepimpinan Ketua Pusat yang berkesan dan sebagainya. Beliau berharap Pusat-Pusat cemerlang ini akan terus mengekalkan prestasi yang tinggi dan menjadi contoh *'role model'*

kepada Pusat lain.

Pihak YUM akan sentiasa melakukan transformasi penambahbaikan bersama dengan Ahli Pusat. Pusat adalah tunggak pembangunan dan kesinambungan program YUM. Pusat merupakan satu pelaburan yang boleh menghasilkan pulangan yang tinggi kepada kedua-dua pihak YUM dan Ahli-ahlinya. Institusi Pusat dan YUM tidak boleh dipisahkan kerana ianya saling memerlukan di antara satu dengan yang lain, oleh sebab itu sudah masa nya melihat Pusat sebagai sebahagian daripada YUM *'integral part of the whole system'* bagi memperluaskan peranan serta mengoptimumkan potensi pada masa hadapan.

4. Profil Pusat Cemerlang



Nama Pusat	Tahun ditubuhkan	Ahli/Peminjam	Pinjaman (RM)	% BA	Ketua Pusat	Timbalan Ketua Pusat	Setiausaha	Anugerah
Izzati Bistari, Lahad Datu	2009	31	344,600	100%	Nandi Binti Dzulkarnain	Mislah Binti Illias	Norlinah Binti Mohd Ali	Pusat Cemerlang 2010 dan 2011. Ketua Pusat Cemerlang 2010 & 2011 Cawangan Lahad Datu.



Nama Pusat	Tahun ditubuhkan	Ahli Peminjam	Pinjaman (RM)	% BA	Ketua Pusat	Timbalan Ketua Pusat	Setiausaha	Anugerah/Kejayaan
Tondulu, Tambunan	1993	19	237,400	100%	Petronella Yong	Agnes Sumbat	Tihim Bt Dumbu	Aktif dalam aktiviti-aktiviti amal dan penganjuran seperti Pesta Menuai Padi, Mini Bazaar, Makan Amal dan Perkhidmatan Katering seterusnya menjadi badan kecil di kampung dan pengiktirafan kerjasama dengan agensi Kerajaan.

PUSAT PEKAN 3 TAMBUNAN



20 Sep 2013

Nama Pusat	Tahun ditubuhkan	Ahli Peminjam	Pinjaman (RM)	% BA	Ketua Pusat	Timbalan Ketua Pusat	Setiausaha	Anugerah/Kejayaan
Pekan 3, Tambunan	1990	16	562,500	100%	Beatric Dallus	Justina Sipin	Juspin Binti Salli (Bendahari)	Pusat Cemerlang 2010. Mempunyai pelbagai Tabung seperti Tabung Pusat, Individu, Perayaan dan Tabung Derma Khas Kematian. Aktif dalam aktiviti amal/social.

PUSAT KAPA TAMPARULI/TUARAN



27 Sep 2013

Nama Pusat	Tahun ditubuhkan	Ahli Peminjam	Pinjaman (RM)	% BA	Ketua Pusat	Timbalan Ketua Pusat	Setiausaha	Anugerah/Kejayaan
Kapa, Tuaran/ Tamparuli	1990	16	436,500	100%	Maratin Solimun	Setiasa Binti Solimun	Maria Ongah	Pusat Cemerlang. Aktif dalam penganjuran seperti Pesta Keamaian dan sebagainya. Pn. Setiasa Solimun mengusahakan kegiatan memborong beras dipek semula "Cap Pisang" sebagai usahasama keluarga.



Nama Pusat	Tahun ditubuhkan	Ahli Peminjam	Pinjaman (RM)	% BA	Ketua Pusat	Timbalan Ketua Pusat	Setiausaha	Anugerah/Kejayaan
Minurod, Kota Marudu	1991 (Lanjutan projek perintis Projek Usahamaju di Kota Marudu)	17	1,499,700	100%	Jakinah Bokung	Haimey Juman Hendry	Ronnie Labas	Pusat Cemerlang 2012. Ketua Pusat Cemerlang 2013. Ketua Pusat sebagai Pengerusi JKePYUM 2011 sehingga kini. Pusat mencapai jumlah pinjaman terbanyak di YUM melebihi RM1.5 juta.



Pusat Lakos YUM Pitas.

11 Okt 2013

Nama Pusat	Tahun ditubuhkan	Ahli Peminjam	Pinjaman (RM)	% BA	Ketua Pusat	Timbalan Ketua Pusat	Setiausaha	Anugerah/Kejayaan
Lakos, Pitas	2009	27	254,000	100%	Sabrina Wong	Mostala Bt Morisah	Kasnah Bt Gakup	Pusat Cemerlang. Aktif dalam aktiviti sosial seperti mengadakan jamuan Hari Raya adilfitri, tahun baru dan sebagainya.



14 Nov 2013

Nama Pusat	Tahun ditubuhkan	Ahli Peminjam	Pinjaman (RM)	% BA	Ketua Pusat	Timbalan Ketua Pusat	Setiausaha	Anugerah/Kejayaan
Batu Puteh, Kinabatangan	2010	17	167,500	100%	Daimah Binti Ampar	Rosnida Noor	Haidah Noor	Pusat Cemerlang 2011. Ketua Pusat Cemerlang 2011.

PUSAT MUANAD 3 BELURAN



15 Nov 2013

Nama Pusat	Tahun ditubuhkan	Ahli Peminjam	Pinjaman (RM)	% BA	Ketua Pusat	Timbalan Ketua Pusat	Setiausaha	Anugerah/ Kejayaan
Muanad 3, Beluran	2007	21	144,500	100%	Annie Lantaka	Dennah David	Syarifah Hamisah Bakar	Pusat Cemerlang 2009, 2010 & 2012.



Nama Pusat	Tahun ditubuhkan	Ahli Peminjam	Pinjaman (RM)	% BA	Ketua Pusat	Timbalan Ketua Pusat	Setiausaha	Anugerah/Kejayaan
Ansip, Keningau	1990	38	535,000	100%	Suminah Lintung	Rosaimi Rusikan	Liunah Sundang	Pusat Cemerlang 2012.



Nama Pusat	Tahun ditubuhkan	Ahli Peminjam	Pinjaman (RM)	% BA	Ketua Pusat	Timbalan Ketua Pusat	Setiausaha	Anugerah/Kejayaan
Rancangan Khas 2, Beaufort	2009	22	214,500	100%	Sarimah Binti Hasim	Yulina Binti Bungkak	Naitih Binti Sipul	Pusat Cemerlang 2011 & 2012.